



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
INLAND REVENUE BOARD OF MALAYSIA
<http://www.hasil.gov.my>

TAN SRI DATO' DR. MOHD SHUKOR BIN HJ. MAHFAR, P.S.M., D.P.T.J., J.S.M., B.C.M.

Ketua Pegawai Eksekutif/Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri
(*Chief Executive Officer/Director General of Inland Revenue*)

Rujukan Kami : LHDN.01/32/345/1
Tarikh : **15** April 2013

Kepada,

Senarai edaran seperti di Lampiran A

YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

MENGGUNAKAN PERKHIDMATAN ELEKTRONIK LHDNM: e-FILING: m-FILING DAN e-BAYARAN BAGI PENDAPATAN TAHUN TAKSIRAN 2012

Saya dengan hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Untuk makluman Persatuan, mulai 1 Mac 2012, perkhidmatan e-Filing Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) Tahun Taksiran 2012 telah dibuka bagi borang berikut:

- i. e-BE;
- ii. e-B/e-BT;
- iii. e-M/e-MT;
- iv. e-E; dan
- v. e-P

3. Sehubungan dengan itu, LHDNM mengharapkan kerjasama Persatuan untuk menyeru serta menghebahkan kepada ahli-ahli persatuan agar menggunakan perkhidmatan elektronik tersebut bagi penghantaran BNCP Tahun Taksiran 2012.

4. Perkhidmatan ini boleh dicapai terus melalui sesawang e-Filing <https://e.hasil.gov.my> atau melalui laman sesawang rasmi LHDNM www.hasil.gov.my. pada ikon pautan 'ezHASIL'.

5. Ingin ditekankan bahawa mulai tahun ini, seperti juga e-Filing, penambahbaikan m-Filing telah dilakukan bagi memperluaskan capaian untuk mengemukakan m-BE BNCP dengan tambahan fungsi berikut:

- i. Permohonan nombor PIN
- ii. Login Kali Pertama
- iii. Login m-Be Tahun Taksiran 2012
- iv. Tukar kata Laluan
- v. Terlupa Kata Laluan
- vi. Semakan Pengesahan (e-BE)
- vii. Semak Sijil Digital
- viii. Tukar petunjuk Kata Laluan

Alamat m-Filing boleh dicapai di: <https://mfilings.hasil.gov.my>

6. Bayaran baki cukai yang dikenakan boleh dijelaskan melalui e-Bayaran sebelum tarikh tutup penghantaran borang iaitu selewat-lewatnya pada 30 April 2013. Alamat e-Bayaran boleh dicapai di: <https://epayment.hasil.gov.my>

7. BNCP yang dikemukakan melalui e-Filing diberi tambahan masa lima belas (15) hari daripada tarikh akhir pengemukaan borang. Tambahan masa ini juga terpakai kepada bayaran baki cukai di bawah subseksyen 103(1) ACP 1967.


8. Adalah diharapkan dengan adanya hebahan melalui laman sesawang atau apa jua bentuk hebahan yang disebarluaskan akan meningkatkan penggunaan perkhidmatan dalam talian LHDNM selari dengan pelaksanaan sistem penyampaian terkini yang disarankan oleh kerajaan dalam menjayakan transformasi digital sistem penyampaian perkhidmatan secara elektronik oleh kerajaan Malaysia (e-Government).

9. Kesediaan Persatuan memberikan kerjasama untuk menjayakan program di atas amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“BERSAMA MEMBANGUN NEGARA”

Saya yang menurut perintah,


(TAN SRI DR. MOHD. SHUKOR BIN HJ. MAHFAR)
Ketua Pegawai Eksekutif / Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

LAMPIRAN A

Chartered Tax Institute Of Malaysia (CTIM),
Unit B-13-2, Block B, 13th Floor, Megan Avenue II,
No. 12, Jalan Yap Kwan Seng,
50450 Kuala Lumpur.

Pengarah Eksekutif,
Institut Akauntan Malaysia (MIA),
Dewan Akauntan No. 2,
Jalan Tun Sambanthan 3, Brickfields,
50470 Kuala Lumpur.

Pengarah Eksekutif,
Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA),
15, Jalan Medan Tuanku,
50300 Kuala Lumpur.

Presiden,
Persatuan Akauntan Percukaian Malaysia (MATA),
Pejabat Sekretariat MATA,
27-1, Blok 1D, Jalan Wangsa Delima 12, Wangsa Link, Pusat Bandar Wangsa Maju,
53300 Kuala Lumpur.

Presiden,
Persatuan Institut Setiausaha dan Pentadbir Berkanun Syarikat (MAICSA),
No. 57, The Boulevard, Mid Valley City,
Lingkaran Syed Putra,
59200 Kuala Lumpur.

Presiden,
Persatuan Setiausaha Syarikat Malaysia (MACS),
No. 23A, 1st Floor,
Jalan SS 24/11, Taman Megah,
47301 Petaling Jaya, Selangor.

Presiden
Institute of Cooperative and Management Accountants (ICMA)
No. 14M, Jalan Zirkon E7, Seksyen 7
40000 Shah Alam
Selangor

Bekas Pegawai Hasil
Unit 19A-23-5, Business Suite, OUA Centre
19 Jalan Pinang,
50450 Kuala Lumpur

CPA Australia
Suite 10.01 Level 10 The gardens South Tower
Mid Valley City, Lingkaran Syed Putera
59200 Kuala Lumpur.